

'Usah kedekut tanah'

PM mahu setiap negeri buka kawasan industri asas tani

BH - 17/2/2006

Oleh Mutazar Abd Ghani

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan semua kerajaan negeri supaya tidak kedekut menyediakan tanah untuk kegiatan industri asas tani dalam usaha menggiatkan pembangunan sektor itu.

Perdana Menteri berharap, sebagai permulaan sekurang-kurangnya satu kawasan industri asas tani diwujudkan di setiap negeri, manakala negeri yang besar mungkin boleh menyediakan sehingga lima kawasan untuk tujuan itu.

"Jangan kedekut bagi tanah, saya tahu orang lebih suka beri tanah untuk buat kawasan industri yang mudah untung seperti perumahan," kata berucap merasmikan Ekspo Industri Asas Tani (EIAT) 2006 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Beliau berkata, beberapa negeri sudah melaksanakan usaha berkenaan dengan mewujudkan kawasan khas untuk aktiviti pertanian seperti Selangor yang memperkenalkan lembah buah-buahan *Fruits Valley* dan Melaka dengan dusun buah tropika *D-Paradise*.

Perdana Menteri berkata, kemajuan sektor pertanian serta industri asas tani akan membantu memperkasakan kawasan luar bandar, terutama penduduk yang sebahagian besarnya petani.

"Langkah mewujudkan kawasan untuk industri asas tani juga akan dapat membantu usaha kerajaan melaksanakan transformasi sektor pertanian, sekali gus menjadi sumber pendapatan dan kekayaan baru kepada masyarakat," katanya.

Bercakap pada sidang media selepas itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan lebih agresif mengem-

bangkan sektor pertanian, khususnya industri asas tani bagi melahirkan lebih ramai usahawan luar bandar yang kebanyakannya Bumiputera.

Katanya, matlamat kerajaan memajukan sektor itu bukan hanya sekadar untuk menampung keperluan makanan rakyat dan mengurangkan harga ke tahap yang lebih berpatutan.

"Sebaliknya, langkah itu juga adalah usaha ke arah melahirkan lebih ramai usahawan di luar bandar, yang sebahagian besarnya adalah Bumiputera.

"Ia juga akan dapat membantu menambah bilangan masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera," katanya.

Sementara itu, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin, dalam ucapannya berkata, komitmen kerajaan merealisa-

sikan pembangunan industri asas tani sebagai penyumbang pendapatan petani dan ekonomi negara dapat dilihat menerusi peruntukan besar yang disediakan.

Katanya, tahun ini saja peruntukan kira-kira RM76.5 juta disediakan bagi menjayakan program seperti meningkatkan kemahiran dan mutu keluaran industri asas tani, pembangunan produk baru dan industri hiliran.

"Penyusunan semula jabatan dan agensi di bawah kementerian seperti Jabatan Pertanian dan Jabatan Perikanan, di samping pengwujudkan Bahagian Industri Asas Tani akan menjadikan pembangunan industri ini lebih fokus serta terarah," katanya.

EIAT 2006 bertemakan 'Pertanian Suatu Perniagaan' yang berlangsung dari 16 hingga 19 Februari, dianjurkan FAMA dan disokong oleh Ma-trade.